

---

## SIARAN BERITA

# MyCC ISU KEPUTUSAN AKHIR TERHADAP 24 PENGELUAR PRODUK BAKERI DAN MANISAN BAGI PENETAPAN HARGA

**KUALA LUMPUR, 3<sup>hb</sup> Mac 2015** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan satu Keputusan berkaitan dengan perjanjian penetapan harga antara 24 perusahaan yang merupakan anggota Persatuan Bakeri dan Manisan SibU (SibU Confectionery and Bakery Association - 'SCBA').

Ini berikutan daripada Keputusan Cadangan yang pernah dikeluarkan kepada SCBA pada 30 September 2014. SCBA didapati telah melibatkan diri dalam perlakuan antipersaingan dengan bersetuju akan menaikkan harga produk manisan dan bakeri kepada 10 hingga 15 peratus di kawasan SibU efektif pada 1 Disember 2013. Kesemua 24 perusahaan telah menyerahkan representasi bertulis mereka kepada MyCC ekoran daripada Keputusan Cadangan yang telah dikeluarkan dan hanya 11 perusahaan menyatakan bahawa mereka ingin membuat representasi lisan dihadapan MyCC.

"Perjanjian seperti ini, di mana terdapat perbezaan saiz perusahaan, membenarkan pihak terlibat menaikkan harga yang akan digunapakai oleh semua dengan harga yang seragam, maka ia akan mengurangkan atau menghapuskan persaingan" kata Dr Mohd Khalid Bin Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC. "Perjanjian penetapan harga akan menyebabkan syarikat-syarikat tidak dapat menilai kos operasi mereka sendiri dan menentukan sendiri kesan kos yang melangkaui serta kenaikan harga yang sepatutnya dan sama ada kenaikan harga tersebut perlu ditanggung oleh mereka mahupun pengguna," tambahnya lagi.

---

Dalam menentukan tahap penalti kewangan yang dikenakan, MyCC mengambil kira (antara lain) keseriusan pelanggaran, tempoh pelanggaran, perolehan perusahaan dalam tempoh pelanggaran; faktor pertambahan seperti tidak bekerjasama semasa siasatan; dan faktor mitigasi seperti memberi kerjasama semasa siasatan.

Setelah banyak pertimbangan dilakukan bagi representasi bertulis dan lisan, MyCC mendapati lima belas (15) perusahaan telah melanggar seksyen 4(2)(a) daripada Akta Persaingan 2010 (AP2010). Perusahaan-perusahaan tersebut ialah; Huong Hiong (Sibu) Confectionary, Wong Kieng Seng, New Chuo An Bakery, Chung's Bakery, Sweetie Bakery, Seng Kee Bakery, To Eat Bakery Sdn. Bhd., Nam Mee Bakery, Lian Yu Bakery Cake Store, ABC Cake House, Farley Bakery, Wonderful Bakery, Kung Fung Food Industries dan Yong Lin Yin telah dikenakan penalti kewangan oleh MyCC. Walaupun MyCC mendapati Yong Kong Chuo telah melanggar Seksyen 4(2)(a) daripada AP2010, MyCC telah memutuskan untuk tidak mengenakan apa-apa penalti kewangan kerana jumlah perolehan semasa tempoh pelanggaran adalah terlalu kecil. MyCC telah mengenakan penalti kewangan sejumlah RM247,730 bagi perusahaan-perusahaan yang telah melanggar Akta.

MyCC mendapati sembilan lagi perusahaan iaitu, Chieng Muk Hin, Daily Bread, Famous Bakery, Happiness Bakery, Ling Kui Ping, Pau Kiu Mee, Central Market Sibu, Wong Ting Tiong dan Yat Bakery tidak melanggar Seksyen 4(2)(a) daripada AP2010 maka mereka tidak akan dikenakan Penalti Kewangan.

Notis Keputusan telah dimuat naik di laman web MyCC. Untuk maklumat lanjut mengenai kes atau MyCC, sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**NOTA PENGARANG:**

1.) Butiran mengenai **Sekysen 4(2)(a)** Akta Persaingan 2010: \*Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

- 
- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
  - (c) membataskan atau mengawal—
    - (i) pengeluaran;
    - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
    - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
    - (iv) pelaburan; atau
  - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

\*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran.